



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

ULASAN PERNIAGAAN SEKSYEN 253(3) & BAHAGIAN II JADUAL KELIMA AKTA SYARIKAT 2016



SYARIKAT AWAM



PENGENALAN

Laporan bukan kewangan telah diperkenalkan di bawah Akta Syarikat 2016 sebagai Laporan Ulasan Perniagaan. Jangkaan masyarakat terhadap sektor korporat kini telah memberi kesedaran kepada syarikat-syarikat berhubung keperluan untuk bersifat lebih telus dan peka terhadap kepentingan laporan korporat melebihi sekadar penyata kewangan syarikat sahaja.



OBJEKTIF

Suruhanjaya Syarikat Malaysia menggalakkan pengarah-pengarah syarikat awam membuat penyerahan pelaporan ulasan perniagaan dalam bentuk naratif (penceritaan) sebagai maklumat tambahan dengan melaporkan isu-isu yang memberi kesan terhadap prestasi keseluruhan perniagaan secara sukarela di samping perincian maklumat penyata kewangan syarikat.



SEKSYEN 253(3) & BAHAGIAN II JADUAL KELIMA AKTA SYARIKAT 2016

Seksyen 253(3) Akta Syarikat 2016 - Laporan Pengarah yang disediakan di bawah seksyen 252 Akta Syarikat 2016 boleh termasuk ulasan perniagaan yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Kelima atau mana-mana laporan lain yang ditetapkan.



PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK (BBPC) 6/2017

Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menerbitkan BBPC 6/2017 bagi Laporan Ulasan Perniagaan Panduan Penzahiran dan Pelaporan sebagai panduan kepada syarikat terutamanya dalam menyediakan laporan ulasan perniagaan selaras dengan peruntukan yang berkaitan dengan Laporan Pengarah di bawah Akta Syarikat 2016.

SUMBER

Maklumat lanjut berhubung BBPC 6/2017 dan Akta Syarikat 2016 boleh di akses di portal SSM:

1. [Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik \(BBPC\) 6/2017 bagi Laporan Ulasan Perniagaan: Panduan Penzahiran dan Pelaporan](#)
2. [Akta Syarikat 2016](#)



<https://m.facebook.com.ssmofficial/>



<https://www.instagram.com.ssmofficial/>



<https://mobile.twitter.com.ssmofficial/>